



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN BANCİ PERTANIAN 2024 NEGERİ KEDAH

Padi Kekal Teras Pertanian Negeri Kedah dengan Keluasan Bertanam Tertinggi, 228,963 Hektar

ALOR SETAR, 16 APRIL 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Laporan Banci Pertanian 2024 Negeri Kedah yang memperkenalkan parameter baharu bagi sektor pertanian, merangkumi pendapatan, perbelanjaan serta gaji dan upah bagi tahun rujukan 2023. Selain itu, laporan ini turut menyediakan statistik terkini berkaitan pegangan pertanian, keluasan bertanam dan bertuai, kuantiti pengeluaran dan jualan, nilai jualan, serta guna tenaga.

Dapatan ini adalah hasil daripada Banci Pertanian 2024 yang dilaksanakan bermula 7 Julai 2024 hingga 31 Oktober 2024 melalui kerjasama yang meluas dan strategik antara DOSM dengan 1,390 agensi berkaitan pertanian di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Antara kementerian dan agensi utama yang terlibat ialah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) serta Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI). Di peringkat negeri, kerjasama strategik yang dilaksanakan melibatkan Jabatan Pertanian Negeri Kedah, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Jabatan Veterinar Negeri Kedah, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Jabatan Perikanan Negeri Kedah, Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan seperti Bahagian Perancangan Ekonomi dan Pejabat Tanah dan Daerah di Negeri Kedah.

Kedah merekodkan 129,231 pegangan pertanian dengan 127,996 pegangan pertanian individu yang meliputi 99.0 peratus manakala 1,235 pegangan pertanian pertubuhan. Profil yang telah kemaskini ini juga menunjukkan 124,796 pegangan pertanian subsektor tanaman dengan 123,938 adalah pegangan individu. Seramai 4,264 individu terlibat subsektor perikanan tangkapan, 3,615 individu subsektor ternakan, 470 individu subsektor akuakultur dan 59 individu terlibat dengan subsektor perhutanan & pembalakan.

Keluasan bertanam Negeri Kedah yang dilaporkan adalah 419,392.1 hektar. Tanaman utama adalah padi, meliputi 228,963.4 hektar, diikuti oleh getah (88,228.3 hektar), kelapa sawit (86,719.5 hektar) dan buah-buahan (10,341.8 hektar).

Dapatan Banci Pertanian 2024 juga merekodkan jumlah nilai jualan bagi subsektor tanaman adalah RM3.96 bilion manakala subsektor ternakan dengan RM1.74 bilion diikuti oleh perikanan tangkapan (RM1.47 bilion). Manakala subsektor akuakultur dan perhutanan & pembalakan masing-masing telah menjana nilai jualan RM529.87 juta dan RM226.22 juta.

Prestasi Pendapatan

Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah RM9.89 bilion, dengan subsektor tanaman muncul sebagai penyumbang terbesar iaitu RM5.26 bilion (53.2%) diikuti oleh subsektor ternakan RM2.38 bilion (24.1%), perikanan tangkapan RM1.49 bilion (15.1%), akuakultur RM530.69 juta (5.4%) serta perhutanan & pembalakan RM233.13 juta (2.3%). Komponen pendapatan dalam Banci Pertanian 2024 merangkumi nilai jualan daripada aktiviti pertanian, aktiviti yang dijalankan untuk pihak lain, produk pertanian yang diproses serta pendapatan lain berkaitan aktiviti pertanian.

Pegangan pertanian individu menyumbang RM4.98 bilion (50.3%) daripada jumlah pendapatan sektor pertanian manakala pegangan pertubuhan merekodkan RM4.91 bilion (49.7%). Dalam subsektor tanaman, pegangan individu menjana pendapatan RM3.41 bilion (64.8%) berbanding pegangan pertubuhan RM1.85 bilion (35.2%). Namun bagi subsektor ternakan, pendapatan sebahagian besarnya dijana oleh pegangan pertubuhan dengan RM2.31 bilion (97.1%) manakala pegangan individu menyumbang RM67.56 juta (2.9%). Dalam subsektor perikanan tangkapan, pendapatan didominasi oleh pegangan individu RM1.44 bilion (96.6%)

berbanding RM45.45 juta (3.4%) oleh pegangan pertubuhan. Sebaliknya, pendapatan subsektor akuakultur dijana oleh pegangan pertubuhan dengan RM467.06 juta (88.1%), manakala pegangan individu menyumbang RM63.62 juta (11.9%). Pendapatan subsektor perhutanan & pembalakan hampir keseluruhannya disumbangkan oleh pegangan pertubuhan dengan RM232.57 juta (99.8%), sementara pegangan individu menyumbang RM560,389 (0.2%).

Tiga (3) daerah teratas mencatatkan jumlah pendapatan tertinggi sektor pertanian Negeri Kedah adalah Kubang Pasu dengan nilai RM1.96 bilion diikuti oleh Kuala Muda (RM1.52 bilion) dan Kota Setar (RM1.07 bilion). Mengikut subsektor, Kuala Muda, Kubang Pasu dan Yan muncul sebagai tiga daerah penyumbang utama pendapatan subsektor tanaman masing-masing dengan RM735.93 juta, RM683.35 juta dan RM540.07 juta. Bagi subsektor ternakan, Kubang Pasu mencatatkan pendapatan tertinggi dengan RM1.08 bilion, diikuti oleh Kulim (RM276.48 juta) dan Kuala Muda (RM267.42 juta). Bagi subsektor perikanan tangkapan, Langkawi merekodkan pendapatan tertinggi iaitu RM789.97 juta, diikuti oleh Kota Setar (RM406.51 juta) dan Yan (RM143.51 juta). Pendapatan akuakultur tertinggi dicatatkan di Kuala Muda (RM296.63 juta), diikuti Kubang Pasu (RM137.51 juta) dan Langkawi (RM27.42 juta). Bagi subsektor perhutanan & pembalakan, Kuala Muda mencatatkan pendapatan RM127.61 juta, diikuti oleh Kota Setar (RM62.67 juta) dan Pendang (RM10.38 juta).

Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian Negeri Kedah pada tahun 2023 adalah RM4.66 bilion. Subsektor tanaman merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM1.96 bilion (42.1%) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pertanian, diikuti oleh subsektor ternakan (RM1.74 bilion; 37.3%), subsektor perikanan tangkapan (RM732.71 juta; 15.7%), subsektor akuakultur (RM121.82 juta; 2.6%) serta subsektor perhutanan & pembalakan (RM109.57 juta; 2.4%). Jumlah perbelanjaan merujuk kepada keseluruhan kos yang ditanggung bagi bahan langsung dalam aktiviti pertanian, termasuk kos pengangkutan, penyelenggaraan dan perbelanjaan operasi lain yang berkaitan.

Daripada jumlah perbelanjaan tersebut, 53.4 peratus (RM2.49 bilion) ditanggung oleh pegangan pertubuhan, manakala 46.6 peratus (RM2.17 bilion) oleh pegangan individu. Dalam subsektor tanaman, perbelanjaan didominasi oleh pegangan individu dengan RM1.42 bilion (72.4%) berbanding pegangan pertubuhan RM544.25 juta

(27.6%). Dalam subsektor ternakan, perbelanjaan sebahagian besarnya disumbang oleh pegangan pertubuhan dengan RM1.70 bilion (98.1%) manakala pegangan individu RM33.00 juta (1.9%).

Bagi perikanan tangkapan, perbelanjaan didominasi oleh pegangan individu RM710.96 juta (97.0%), manakala pegangan pertubuhan RM21.75 juta (3.0%). Sebaliknya, perbelanjaan akuakultur disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan sebanyak RM112.35 juta (92.2%), manakala pegangan pertanian individu menyumbang RM9.48 juta (7.8%). Perbelanjaan subsektor perhutanan & pembalakan hampir sepenuhnya ditanggung oleh pegangan pertubuhan dengan nilai RM109.52 juta (99.9%), manakala pegangan individu RM46,596 (0.1%).

Tiga (3) daerah dengan sumbangan perbelanjaan tertinggi sektor pertanian Kedah adalah Kubang Pasu (RM1.29 bilion), Kuala Muda (RM589.57 juta) dan Kota Setar (RM473.82 juta). Mengikut subsektor, Kubang Pasu (RM291.66 juta), Yan (RM261.30 juta) dan Kuala Muda (RM236.75 juta) mencatatkan perbelanjaan tertinggi dalam subsektor tanaman. Bagi subsektor ternakan, Kubang Pasu merekodkan perbelanjaan tertinggi dengan RM948.01 juta, diikuti oleh Bandar Baharu (RM203.11 juta) dan Kuala Muda (RM177.21 juta).

Bagi subsektor perikanan tangkapan, Langkawi merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM388.60 juta, diikuti oleh Kota Setar (RM202.13 juta) dan Yan (RM69.11 juta). Perbelanjaan subsektor akuakultur tertinggi dicatatkan di Kuala Muda (RM67.88 juta), diikuti Kubang Pasu (RM25.73 juta) dan Langkawi (RM9.83 juta). Bagi subsektor perhutanan & pembalakan, Kuala Muda merekodkan perbelanjaan tertinggi dengan RM62.1 juta, diikuti oleh Kota Setar (RM25.78 juta) dan Padang Terap (RM4.97 juta).

Guna Tenaga dan Gaji & Upah

Guna Tenaga sektor pertanian Negeri Kedah mencatatkan seramai 121,924 orang pada tahun 2023, dengan sumbangan tiga daerah pentadbiran teratas direkodkan di Kubang Pasu (21,707 orang), Kota Setar (21,394 orang) dan Pendang (15,098 orang) dengan jumlah peratus ketiga-tiga daerah menyumbang 47.7 peratus daripada keseluruhan jumlah guna tenaga. Bagi guna tenaga subsektor tanaman di Kedah pada tahun 2023, lima daerah teratas ialah daerah Kubang Pasu (27,594 orang), Pendang (22,487 orang), Kota Setar (19,844 orang), Baling (19,353 orang) dan Sik (16,809 orang).

Purata gaji & upah tahunan subsektor tanaman yang direkodkan ialah RM19,082. Empat daerah yang mencatatkan purata gaji & upah tahunan teratas bagi subsektor tanaman ialah Bandar Baharu (RM23,827), Kuala Muda (RM23,678), Kulim (RM22,187) dan Kubang Pasu (RM19,219). Manakala subsektor ternakan mencatatkan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM24,392. Purata gaji & upah tahunan subsektor perikanan tangkapan yang direkodkan ialah RM27,904. Subsektor akuakultur Kedah mencatatkan purata gaji & upah tahunan berjumlah RM31,747 manakala subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan purata gaji dan upah tahunan berjumlah RM23,738.

Melangkah Ke hadapan

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, DOSM turut membangunkan Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) yang telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, pada 7 Disember 2025. Inisiatif ini merupakan satu langkah strategik dalam transformasi pengurusan data pertanian negara melalui pembangunan sebuah platform pintar bersepadu yang menggabungkan hasil banci, data pentadbiran dan maklumat rantai bekalan ke dalam satu ekosistem digital bersepadu.

Dapatan Banci Pertanian 2024 jelas menunjukkan bahawa sektor pertanian Negeri Kedah terus memainkan peranan penting sebagai tonggak keterjaminan makanan negara serta penyumbang signifikan kepada ekonomi negeri. Struktur subsektor yang pelbagai, penglibatan tenaga kerja yang ramai serta sumbangan pendapatan yang mampan mencerminkan daya tahan sektor ini dalam mendepani cabaran semasa. Maklumat terperinci yang dibekalkan melalui banci ini menyediakan asas statistik yang kukuh bagi menyokong perancangan, pemantauan dan penilaian dasar pembangunan pertanian negeri secara lebih berfokus dan berasaskan bukti. Dapatan ini juga penting dalam memastikan hala tuju transformasi sektor pertanian Kedah dapat dilaksanakan secara mampan, inklusif dan berdaya saing.

Banci Pertanian akan dilaksanakan sekali pada setiap 10 tahun bagi memastikan data adalah relevan dan menggambarkan struktur sektor pertanian negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 November 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 APRIL 2026


**JADUAL 1: PENDAPATAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN,
NEGERI KEDAH, 2023**

DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PENDAPATAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PENDAPATAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PENDAPATAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
Baling	534.83	Kelapa Sawit	290.70	Buah-Buahan	98.73	Getah	73.31
Bandar Baharu	673.25	Ternakan	258.10	Kelapa Sawit	194.37	Buah-Buahan	189.15
Kota Setar	1,066.35	Padi	415.88	Perikanan	406.51	Buah-Buahan	77.58
Kuala Muda	1,520.28	Kelapa Sawit	376.21	Akuakultur	296.63	Ternakan	267.42
Kubang Pasu	1,959.77	Ternakan	1,084.40	Padi	478.05	Akuakultur	137.51
Kulim	785.11	Kelapa Sawit	394.34	Ternakan	276.48	Buah-Buahan	64.78
Langkawi	869.62	Perikanan	789.97	Akuakultur	27.42	Padi	22.24
Padang Terap	636.84	Ternakan	183.28	Buah-Buahan	165.06	Getah	155.60
Pendang	665.30	Padi	230.32	Ternakan	157.19	Kelapa Sawit	88.99
Pokok Sena	200.78	Padi	61.57	Ternakan	57.61	Getah	33.54
Sik	282.37	Getah	125.53	Kelapa Sawit	64.86	Buah-Buahan	43.91
Yan	697.81	Buah-Buahan	259.94	Padi	242.51	Perikanan	143.51

**JADUAL 2: PERBELANJAAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN,
NEGERI KEDAH, 2023**


DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PERBELANJAAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PERBELANJAAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PERBELANJAAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
Baling	171.31	Kelapa Sawit	86.14	Getah	28.73	Buah-Buahan	26.89
Bandar Baharu	322.03	Ternakan	203.11	Kelapa Sawit	57.84	Buah-Buahan	49.46
Kota Setar	473.82	Perikanan	202.13	Padi	192.84	Perhutanan & Pembalakan	25.78
Kuala Muda	589.57	Ternakan	177.21	Kelapa Sawit	111.62	Akuakultur	67.88
Kubang Pasu	1,292.46	Ternakan	948.01	Padi	224.59	Getah	26.10
Kulim	282.19	Ternakan	126.73	Kelapa Sawit	115.86	Buah-Buahan	19.56
Langkawi	417.57	Perikanan	388.60	Akuakultur	9.83	Padi	7.24
Padang Terap	279.70	Ternakan	116.24	Buah-Buahan	57.83	Getah	56.44
Pendang	287.37	Padi	127.85	Ternakan	72.91	Getah	26.77
Pokok Sena	109.16	Ternakan	49.30	Padi	30.79	Getah	11.97
Sik	98.59	Getah	43.25	Kelapa Sawit	18.60	Buah-Buahan	16.37
Yan	337.87	Padi	143.12	Buah-Buahan	106.59	Perikanan	69.11

Paparan 1: Parameter Utama Sektor Pertanian, Negeri Kedah, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024


Paparan 2: Pendapatan dan Perbelanjaan Sektor Pertanian, Negeri Kedah, 2023



Paparan 3: Pendapatan dan Perbelanjaan Sektor Pertanian, Negeri Kedah mengikut Daerah, 2023



Paparan 4: Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan Negeri Kedah mengikut Daerah, Kedah, 2023





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

AGRICULTURE CENSUS 2024 REPORT: KEDAH

Paddy Remains the Backbone of Kedah's Agriculture with the Largest Planted Area of 228,963 Hectares

ALOR SETAR, 16TH APRIL 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the Agriculture Census 2024 Report for Kedah, introducing new parameters for the agriculture sector, including income, expenditure and salaries and wages for the reference year 2023. The report also provides the latest statistics on agricultural holdings, planted and harvested areas, production and sales quantities, sales value, and employment.

These findings are derived from the Agriculture Census 2024, conducted from 7th July 2024 to 31st October 2024 through extensive and strategic collaboration between DOSM and 1,390 agriculture-related agencies at the federal, state, and district levels. Key ministries and agencies involved include the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), the Ministry of Plantation and Commodities (KPK), the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES), The Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development Sarawak (M-FICORD) and the Ministry of Agriculture, Fisheries and Food Industry Sabah (MAFFI). At the state level, the strategic collaboration implemented involves the Department of Agriculture Kedah, Muda Agricultural Development Authority, Department of Veterinary Kedah, Department of Forestry Kedah, Department of Fishery Kedah, Government Ministries/ Departments/ Agencies such as the Economic Planning Division and Land and District Office, Kedah.

Kedah recorded 129,231 agricultural holdings, of which 127,996 were individual agricultural holdings representing 99.0 per cent of the total. Meanwhile, the remaining 1,235 holdings were establishment agricultural holdings. The updated profile further indicates 124,796 crops subsector agricultural holdings of which 123,938 are individual. In addition, 4,264 individuals were involved in the captured fisheries subsector, 3,615 in livestock, 470 in aquaculture, and 59 in forestry & logging.

The total planted area reported for Kedah was 419,392.1 hectares. Rice remained the dominant crop, covering 228,963.4 hectares, followed by rubber (88,228.3 hectares), oil palm (86,719.5 hectares), and fruits (10,341.8 hectares).

The Agriculture Census 2024 also recorded that the total sales value for the crop subsector for Kedah were RM3.96 billion, the livestock subsector (RM1.74 billion) followed by captured fisheries subsector (RM1.47 billion). While the aquaculture and forestry & logging subsector recorded sales value at RM529.87 million and RM226.22 million respectively.

Income Performance

The total income of the agriculture sector for Kedah in 2023 amounted at RM9.89 billion, with the crop subsector emerged as the largest contributor at RM5.26 billion (53.2%) followed by the livestock subsector RM2.38 billion (24.1%), captured fisheries RM1.49 billion (15.1%), aquaculture RM530.69 million (5.4%) and forestry & logging at RM233.13 million (2.3%). Income components in the Agriculture Census 2024 include sales value from agricultural activities, agricultural services carried out for other parties, processed agricultural products, and other income related to agricultural activities.

Agricultural holdings of individuals contributed RM4.98 billion (50.3%) of the total agricultural sector income, while establishment holdings recorded RM4.91 billion (49.7%). Within the crops subsector, individual holdings generated RM3.41 billion (64.8%) and establishment holdings at RM1.85 billion (35.2%). In contrast, income in the livestock subsector was predominantly generated by establishment holdings at RM2.31 billion (97.1%), while individual holdings at RM67.56 million (2.9%). For the captured fisheries subsector, income was largely dominated by individual holdings at RM1.44 billion (96.6%), compared to establishment holdings at RM45.45 million (3.4%). Conversely, the aquaculture

subsector income was mainly generated by establishment holdings at RM467.06 million (88.1%), while individual holdings RM63.62 million (11.9%). Meanwhile, income in the forestry & logging subsector was almost entirely contributed by establishment holdings at RM232.57 million (99.8%) and individual holdings RM560,389 (0.2%).

Three (3) districts with the highest total agricultural sector income were Kubang Pasu with RM1.96 billion, Kuala Muda (RM1.52 billion) and Kota Setar (RM1.07 billion). By subsector, Kuala Muda, Kubang Pasu and Yan were the three main contributors to crops subsector income with RM735.93 million, RM683.35 million and RM540.07 million, respectively. In the livestock subsector, Kubang Pasu recorded the highest income at RM1.08 billion, followed by Kulim (RM276.48 million) and Kuala Muda (RM267.42 million). For the captured fisheries subsector, Langkawi recorded the highest income at RM789.97 million, followed by Kota Setar (RM406.51 million) and Yan (RM143.51 million). Meanwhile, the highest aquaculture income was recorded in Kuala Muda (RM296.63 million), followed by Kubang Pasu (RM137.51 million) and Langkawi (RM27.42 million). In the forestry & logging subsector, Kuala Muda recorded the highest income at RM127.61 million, followed by Kota Setar (RM62.67 million) and Pendang (RM10.38 million).

Expenditure

The total expenditure of the agricultural sector in Kedah in 2023 amounted to RM4.66 billion. The crops subsector recorded the highest expenditure at RM1.96 billion (42.1%) followed by the livestock subsector (RM1.74 billion; 37.3%), captured fisheries (RM732.71 million; 15.7%), aquaculture (RM121.82 million; 2.6%), and forestry & logging (RM109.57 million; 2.4%). Total expenditure refers to the overall costs incurred for direct inputs in agricultural activities, including transportation, maintenance, and other related operational expenses.

Of the total expenditure, 53.4 per cent (RM2.49 billion) was borne by establishment holdings, while 46.6 per cent (RM2.17 billion) was individual holdings. In the crops subsector, expenditure was dominated by individual a holdings at RM1.42 billion (72.4%) compared to RM544.25 million (27.6%) by establishment holdings. Conversely, in the livestock subsector, expenditure was largely incurred by establishment holdings at RM1.70 billion (98.1%), while individual holdings accounted for RM33.00 million (1.9%).

For the captured fisheries subsector, expenditure was dominated by individual holdings at RM710.96 million (97.0%), while establishment holdings RM21.75 million (3.0%). Conversely, expenditure in the aquaculture subsector was mostly contributed by establishment agricultural holdings at RM112.35 million (92.2%), while individual agricultural holdings accounted for RM9.48 million (7.8%). Expenditure in the forestry & logging subsector was almost entirely borne by establishment agricultural holdings, amounting to RM109.52 million (99.9%), while individual agricultural holdings contributed at RM46,596 (0.1%).

Three (3) districts with the highest contribution to agricultural sector expenditure were Kubang Pasu (RM1.29 billion), Kuala Muda (RM589.57 million) and Kota Setar (RM473.82 million). By subsector, Kubang Pasu (RM291.66 million), Yan (RM261.30 million) and Kuala Muda (RM236.75 million) recorded the highest expenditures in the crops subsector. In the livestock subsector, Kubang Pasu registered the highest expenditure at RM948.01 million, followed by Bandar Baharu (RM203.11 million) and Kuala Muda (RM177.21 million).

For the captured fisheries subsector, Langkawi recorded the highest expenditure at RM388.60 million, followed by Kota Setar (RM202.13 million) and Yan (RM69.11 million). Meanwhile, the highest aquaculture expenditure was recorded in Kuala Muda (RM67.88 million), followed by Kubang Pasu (RM25.73 million) and Langkawi (RM9.83 million). In the forestry & logging subsector, Kuala Muda recorded the highest expenditure at RM62.1 million, followed by Kota Setar (RM25.78 million) and Padang Terap (RM4.97 million).

Employment and Wages & Salaries

Employment in the agriculture sector for Negeri Kedah recorded 121,924 persons in 2023. The top three administrative districts contributing to employment were Kubang Pasu (21,707 persons), Kota Setar (21,394 persons) and Pendang (15,098 persons), collectively accounting for 47.7 per cent of the total employment. For employment in the crop subsector in Kedah in 2023, the top five districts were Kubang Pasu (27,594 persons), Pendang (22,487 persons), Kota Setar (19,844 persons), Baling (19,353 persons), and Sik (16,809 persons).

The annual mean salaries & wages recorded for the crop subsector were RM19,082. The four districts with the highest average annual wages & salaries in the crop

subsector were Bandar Baharu (RM23,827), Kuala Muda (RM23,678), Kulim (RM22,187), and Kubang Pasu (RM19,219). Meanwhile, the livestock subsector recorded an annual mean salaries & wages of RM24,392. The captured fisheries subsector recorded an annual mean salaries & wages of RM27,904. The aquaculture subsector in Kedah recorded an annual mean salaries & wages of RM31,747. The forestry & logging subsector recorded an annual mean salaries & wages of RM23,738.

Moving Forward

Based on the Agriculture Census 2024, DOSM has also developed the Agricultural Statistics Digital Gateway (TaniStats 2.0), which was officiated by the Chief Secretary to the Government, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, on 7 December 2025. This initiative represents a strategic step in transforming the nation's agricultural data management through the development of an integrated smart platform that consolidates census results, administrative data and supply chain information into a comprehensive digital ecosystem.

The findings of the Agricultural Census 2024 clearly indicate that the agricultural sector in the state of Kedah continues to play a vital role as a pillar of national food security and a significant contributor to the state's economy. The diverse subsector structure, large workforce participation, and sustainable income contributions reflect the resilience of this sector in facing current challenges. The detailed information provided through this census establishes a strong statistical foundation to support more focused, evidence-based planning, monitoring, and evaluation of state agricultural development policies. These findings are also important in ensuring that the transformation of Kedah's agricultural sector can be implemented in a sustainable, inclusive, and competitive manner.

The Agriculture Census is conducted once every ten years to ensure that the data remains relevant and reflective of the structure of the national agriculture sector.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st November 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding of patterns and changes in the agriculture sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <https://tanistats.dosm.gov.my>.

Released by:

**OFFICE OF THE CHIEF STATISTIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 APRIL 2026**


TABLE 1: INCOME OF THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, KEDAH, 2023

Administrative District	Total Income (RM Million)	Main Activity	Main Activity Income (RM Million)	Second Activity	Second Activity Income (RM Million)	Third Activity	Third Activity Income (RM Million)
Baling	534.83	Oil Palm	290.70	Fruits	98.73	Rubber	73.31
Bandar Baharu	673.25	Livestock	258.10	Oil Palm	194.37	Fruits	189.15
Kota Setar	1,066.35	Paddy	415.88	Fisheries	406.51	Fruits	77.58
Kuala Muda	1,520.28	Oil Palm	376.21	Aquaculture	296.63	Livestock	267.42
Kubang Pasu	1,959.77	Livestock	1,084.40	Paddy	478.05	Aquaculture	137.51
Kulim	785.11	Oil Palm	394.34	Livestock	276.48	Fruits	64.78
Langkawi	869.62	Fisheries	789.97	Aquaculture	27.42	Paddy	22.24
Padang Terap	636.84	Livestock	183.28	Fruits	165.06	Rubber	155.60
Pendang	665.30	Paddy	230.32	Livestock	157.19	Oil Palm	88.99
Pokok Sena	200.78	Paddy	61.57	Livestock	57.61	Rubber	33.54
Sik	282.37	Rubber	125.53	Oil Palm	64.86	Fruits	43.91
Yan	697.81	Fruits	259.94	Paddy	242.51	Fisheries	143.51

TABLE 2: EXPENDITURE OF THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, KEDAH, 2023

Administrative District	Total Expenditure (RM Million)	Main Activity	Main Activity Expenditure (RM Million)	Second Activity	Second Activity Expenditure (RM Million)	Third Activity	Third Activity Expenditure (RM Million)
Baling	171.31	Oil Palm	86.14	Rubber	28.73	Fruits	26.89
Bandar Baharu	322.03	Livestock	203.11	Oil Palm	57.84	Fruits	49.46
Kota Setar	473.82	Fisheries	202.13	Paddy	192.84	Forestry & Logging	25.78
Kuala Muda	589.57	Livestock	177.21	Oil Palm	111.62	Aquaculture	67.88
Kubang Pasu	1,292.46	Livestock	948.01	Paddy	224.59	Rubber	26.10
Kulim	282.19	Livestock	126.73	Oil Palm	115.86	Fruits	19.56
Langkawi	417.57	Fisheries	388.60	Aquaculture	9.83	Paddy	7.24
Padang Terap	279.70	Livestock	116.24	Fruits	57.83	Rubber	56.44
Pendang	287.37	Paddy	127.85	Livestock	72.91	Rubber	26.77
Pokok Sena	109.16	Livestock	49.30	Paddy	30.79	Rubber	11.97
Sik	98.59	Rubber	43.25	Oil Palm	18.60	Fruits	16.37
Yan	337.87	Paddy	143.12	Fruits	106.59	Fisheries	69.11

Exhibit 1: Key Parameter of the Agriculture Sector, Kedah, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Exhibit 2 : Income and Expenditure Agriculture Sector, Kedah, 2023




Exhibit 3 : Income and Expenditure Agriculture Sector by District, Kedah, 2023




Exhibit 4 : Employment and Annual Mean Salaries & Wages District, Kedah, 2023

Kedah 121,924 RM22,720		Baling		Bandar Baharu	Kota Setar	Kuala Muda	Kubang Pasu	Kulim
		7,237	4,353	21,394	12,897	21,707	5,942	
		RM18,982	RM24,610	RM21,185	RM25,875	RM21,697	RM24,057	
		Langkawi	Padang Terap	Sik	Yan	Pendang	Pokok Sena	
		8,134	6,072	3,907	10,391	15,098	4,792	
		RM29,411	RM19,580	RM20,893	RM20,548	RM18,966	RM17,528	
		● Employment (persons) ● Mean Salaries & Wages (million)						